

## GERAN HILANG

### Geran Kekal / Geran Sementara

Prosedur Permohonan:

- 1] Borang permohonan geran hilang
- 2] Suratakuan sumpah geran hilang (setiap penama dalam geran)
- 3] Salinan kad pengenalan (pemohon dan setiap penama dalam geran)
- 4] Salinan sijil kematian (sekiranya penama dalam geran telah meninggal dunia)
- 5] Suratakuan sumpah (sekiranya terdapat perbezaan nama dalam geran)
- 6] Laporan polis
- 7] Resit cukai tanah semasa
- 8] Bayaran RM 240.00/lot (Geran Kekal)
- 9] Bayaran RM 40.00/lot (Geran Sementara)

**Borang-borang permohonan  
boleh didapati di  
Kaunter Pendaftaran  
Pejabat Daerah Dan Tanah  
Jasin**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”  
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”**

**Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin  
77000 Jasin Melaka**

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi:

Tel. : 06-529 8100/8101

Faks : 06-529 3396

Laman web : [www.pdtjasin.gov.my](http://www.pdtjasin.gov.my)

Emel : [infopdtjasin@melaka.gov.my](mailto:infopdtjasin@melaka.gov.my)



## UNIT PENDAFTARAN

- ◆ PINDAHMILIK TANAH
- ◆ KAVEAT
- ◆ PUSAKA KECIL
- ◆ GERAN HILANG

## PINDAHMILIK TANAH

Pindahmilik ialah pertukaran pemilik tanah kepada orang lain sama ada melalui pemberian kasih sayang, jual beli tanah atau Perintah Mahkamah.

Prosedur Permohonan:

- 1] **Borang 14A Seksyen 215 KTN \***
  - Pastikan dokumen ini lengkap, diakusaksi dan disetemkan.
  - Pastikan nama dan no kad pengenalan pemberimilik adalah sama dengan yang tercatat di dalam hakmilik.
  - Jika pemberimilik adalah syarikat sila pastikan bahawa wujudnya cop mohor syarikat berserta jumlah penandatanganan yang dibenarkan melalui resolusi syarikat berkenaan.
  - Bagi permohonan pindahmilik Pegangan Melayu di dalam kawasan Rizab Melayu (MCL), borang 14A mestilah diakusaksi oleh Pentadbir Tanah.
- 2] **Borang PDS (Taksiran Duti Setem)**
  - Borang telah dikemukakan untuk penilaian dan ditaksirkan. Setem hasil dengan jumlah yang ditetapkan telah dilekat, dimati dan direkodkan.
- 3] **Geran / Hakmilik Tanah**
  - Sila bawa bersama geran / hakmilik asal (original)
- 4] **Resit Cukai Tanah**
  - Cukai tanah serta tunggakan (jika ada) perlu diselesaikan dahulu. Sila juga bawa resit rasmi berkaitan dengan pembayaran ini.
5. **Surat Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri**
  - Jika terdapat Sekatan Kepentingan

**PERHATIAN**  
**Borang 14A hendaklah diisi dengan menggunakan PEN DAKWAT BASAH WARNA HITAM SAHAJA**

## KAVEAT

Kaveat ialah penghalang kepada segala urusanniaga atas suatu tanah.

Jenis-Jenis Kaveat & Prosedur Permohonan:

- 1] **Pendaftar**
  - Borang 19F
  - Hanya akan batal jika dibatalkan sendiri oleh Pendaftar
- 2] **Persendirian**
  - Borang 19B (masuk kaveat)
  - Borang 19G (tarik balik kaveat)
  - Batal selepas 6 tahun
- 3] **Pemegang Lien**
  - Borang 19D
  - Batal jika;
    - a] ditarik balik oleh Pemegang Lien
    - b] dibatalkan Pendaftar jika hutang telah selesai
    - c] tanah dijual melalui perintah jualan
- 4] **Pemegang Amanah**
  - Borang 19E
  - Kaveat amanah hanya boleh dibatalkan oleh Pendaftar atas permintaan pemegang amanah dan benefisiari.

**Bayaran untuk permohonan semua jenis kaveat ialah RM 100.00/kaveat**

## PUSAKA KECIL

Permohonan yang dibuat oleh waris ke atas harta simati secara keseluruhan atau sebahagian harta tak alih dan harta alih yang terletak dalam mana-mana negeri dan nilainya tidak melebihi RM 2 juta.

Prosedur Permohonan:

- 1] Pemohon hendaklah melengkapkan Borang A (permohonan baharu) atau Borang P (ulang bicara) di mana berkaitan dan ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah/ Majistret
- 2] Permohonan hendaklah menyertakan bersama;
  - Salinan Sijil Kematian
  - Salinan kad pengenalan pemohon dan semua waris
  - Salinan sijil nikah/pendaftaran perkahwinan si mati (jika ada)
  - Salinan sijil pendaftaran anak angkat (bagi bukan Islam jika ada)
  - Salinan Hakmilik/Geran
  - Carian Rasmi
  - Salinan Resit Cukai Tanah semasa
  - Salinan dokumen penyata hutang si mati (jika ada)
  - Salinan dokumen harta alih (saham, akaun bank, ASB, KWSP dan geran kenderaan) yang dikemaskini.
- 3] Pemohon hendaklah menunggu untuk penetapan tarikh bicara kuasa
- 4] Bayaran RM 30.00/lot

Nota :

Urusan Pusaka Kecil diuruskan oleh Unit Pembahagian Pusaka Negeri Melaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan), Tingkat 11, Menara Persekutuan, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka